

23 SEP 2002

Law-Saintis/I

SEDIA PELUANG PENYELIDIKAN BAGI SAINTIS MUDA, KATA LAW

KUALA LUMPUR, 23 Sept (Bernama) -- Generasi muda saintis patut diberikan peluang untuk menjalankan penyelidikan supaya mereka boleh menyumbang kepada usaha membina negara, kata Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar Datuk Seri Law Hieng Ding.

"Ini amat relevan kerana adalah menjadi hasrat kita untuk mengeluarkan pemenang Hadiah Nobel dari negara ini dan sebolehnya dalam kategori fisiologi dan perubatan," katanya pada perasmian Kongres Saintifik Persekutuan Persatuan-persatuan Fisiologi Asia & Oceania (FAOPS) ke-5 di sini.

Teks ucapan beliau dibacakan oleh timbalannya Datuk Zainal Dahalan.

Melatih generasi muda untuk mengambil alih dan mempebaiki tahap pencapaian sedia ada merupakan satu tanggungjawab penting, katanya.

"Cara yang lebih efektif dan baru dalam pengajaran dan pembelajaran perlu diterokai. Kita tidak harus kekal statik dalam kaedah kita dan patut menerokai bagi memperbaiki keupayaan kita," katanya.

Beliau berkata kini kementerian itu terlibat dalam membiayai penyelidikan di negara ini dan menerusi Penyelidikan Intensif dalam Bidang Utama (IRPA), ia membenarkan penyelidikan gunaan dan asas dijalankan oleh para penyelidik dan saintis Malaysia.

Katanya Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad telah mengunjurkan Malaysia mencapai status negara maju menjelang tahun 2020.

Ini bermakna keupayaan penyelidikan dalam semua bidang sains juga perlu berkembang supaya Malaysia setaraf dengan negara-negara maju lain.

Kira-kira 250 peserta dari lebih 20 negara Asia, negara Oceania (Australia dan New Zealand) dan juga peserta dari benua lain mengambil bahagian dalam persidangan empat hari pada perhimpunan pakar fisiologi yang diadakan setiap empat tahun sekali.

Malaysia menjadi tuan rumah persidangan itu buat julung kalinya. Persidangan pertama diadakan di Bangkok pada 1986 dan diikuti oleh New Delhi (1990), Shanghai (1994) dan Brisbane (1998).

-- BERNAMA

FA AZZ RHM